207286
PERPUSTAKAAN UPSI
Nombor Perolehan T8694
Tarikh Perolehan 20·12·2012
Punca Sumbangan
Harga
Bilangan Naskah 1
Nombor Panggilan
207286
207826

MISKONSEPSI IKATAN KIMIA PELAJAR TINGKATAN ENAM DI TIGA BUAH SEKOLAH DI NEGERI PERAK

NOR MAHANI BINTI ISMAIL

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KMIA

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

PENGAKUAN

Saya mengaku ini hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

24.4.2011

NOR MAHANI BINTI ISMAIL
M20091000615

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

NIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PE
IS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVE

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for questions and summaries which have been acknowledges.

24.4.2011

NOR MAHANI BINTI ISMAIL
M20091000615

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

NIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PE
IS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah kerana dengan limpah rahmat-Nya serta izin-Nya dapatlah penulisan ini disiapkan dengan jayanya dan berjalan dengan lancar.

Setinggi–tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Mustaffa bin Ahmad dan juga selaku Dekan, Fakulti Sains dan Matematik yang telah banyak memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada saya sepanjang tempoh melaksanakan kajian ini.

Terima kasih khas kepada ibu (Siti Mariam binti Hassan), ayah (Ismail bin Yusof), suami dan anak yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dan juga segala pengorbanan yang telah diberikan.

Akhir sekali, saya rakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan penulisan ini.

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVE

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji miskonsepsi pelajar tingkatan enam mengenai konsep ikatan kimia. Soal selidik yang mengandungi lima belas item berpadanan dan tujuh belas soalan dua-baris berarah ditadbirkan kepada lima puluh pelajar di tiga buah sekolah di Negeri Perak. Keputusan menunjukkan terdapat banyak miskonsepsi terutamanya bagi sifat atom yang membentuk ikatan logam dan kovalen, bagaimana ikatan kovalen terbentuk, jenis-jenis ikatan kovalen dan kekutuban ikatan. Kajian semasa mencadangkan pendidik, penggubal kurikulum dan pengarang buku teks supaya menjadikan subjek lebih mudah difahami oleh pelajar dan membetulkan miskonsepsi.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

NIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PE
IS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

ABSTRACT

The purposed of this study is to investigate form six students' misconception towards the concept of chemical bonding. A questionnaire with a fifteen matching items and seventeen two-tier questions was administered to fifty students from three schools in Perak. Results showed that students had many misconceptions especially on properties of atoms which form metallic and covalent bonding, how covalent bonding was formed, the types of covalent bonding and polarity of bonding. Study presents some suggestions for teachers, curriculum developers and textbook authors to make students understand the subjects easier and to remediate their misconceptions.

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

KANDUNGAN

		Muka surat
PENGAKUAN		ii
DECLARATION		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		x
SENARAI RAJAH		*xi*
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Batasan Kajian	8
1.8	Definasi Istilah	8

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI I
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 10

2.2 Miskonsepsi 10

2.3 Konsep Dan Prinsip Asas Kimia 12

2.4 Miskonsepsi Dalam Ikatan Kimia 13

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 21

3.2 Rekabentuk Kajian 21

3.3 Populasi Dan Sampel Kajian 22

3.4 Instrumen Kajian 22

3.5 Kaedah Kajian 23

3.6 Analisis Data 23

3.7 Kesimpulan 24

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan 25

4.2 Taksonomi Miskonsepsi 26

4.2.1 Miskonsepsi Ikatan Logam 29

4.2.2 Miskonsepsi Pembentukan Ikatan 33

4.2.3 Miskonsepsi Rupa Bentuk Molekul 35

4.2.4 Miskonsepsi Kekutuban 36

4.3 Miskonsepsi Mengikut Item 40

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSIT
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNI

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 61

5.2 Kesimpulan 61

5.3 Implikasi 64

5.4 Cadangan 66

RUJUKAN 67

ITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PE
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVER

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
4.1	Taksonomi miskonsepsi pelajar tentang ikatan kimia	25
4.2	Peratusan jawapan Bahagian A bagi Item 1 hingga 15	27
4.3	Peratusan jawapan Bahagian B bagi Item 1 hingga 15	40

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
4.1	Peratus jawapan Bahagian A	28
4.2	Peratus jawapan Bahagian B	40
4.3	Ikatan hidrogen yang dilukis pelajar	51
4.4	Ikatan hidrogen	51
4.5	Struktur NH_3 yang dilukis pelajar	60

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

NIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PI
IS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan secara umum berkenaan tajuk kajian serta serba sedikit tentang sejarah perkembangan subjek Kimia di Malaysia dan sedikit pengenalan berkenaan masalah pembelajaran kimia di sekolah. Selain itu, bab ini turut membincangkan tentang latar belakang kajian, penyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, batasan kajian dan definisi istilah.

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

NIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PE
IS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

1.2 Latar Belakang Kajian

Kimia adalah salah satu subjek elektif yang di tawarkan kepada pelajar Tingkatan 4, 5 dan 6. Subjek ini adalah penting kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat matrikulasi bagi kursus Sains Hayat dan Sains Fizikal, serta lain-lain bidang yang terlibat seperti ijazah pertama dan diploma. Subjek Kimia ini telah mula diperkenalkan di Malaysia sejak tahun 1972 lagi dan dikenali sebagai Kimia Sukatan Pelajaran Malaysia. Sukatan Kimia ini telah diadaptasi dari Kimia O-level Nuffield yang diperkenalkan di Britain dari tahun 1961 hingga 1982 dan ianya diperkenalkan sebagai subjek elektif kepada pelajar Tingkatan 4 dan 5. Objektif bagi subjek Kimia ini adalah umum dan lebih mementingkan isi kandungan berbanding aplikasinya. Kimia Sukatan Pelajaran Malaysia mengandungi 13 topik yang mesti diajar dalam masa dua tahun. Sukatan ini telah digunakan sehingga 1991 (Siow, 1995).

Pada tahun 1988 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dilancarkan untuk semua sekolah menengah di Malaysia. Sebagai sebahagian daripada KBSM, kursus Kimia telah digubal berdasarkan Sukatan Pelajaran Malaysia dan diperkenalkan sebagai Kimia KBSM pada tahun 1992. Sukatan Kimia KBSM adalah lebih menekankan penggunaan atau aplikasi mata pelajaran tersebut di dalam kehidupan manusia. Nilai intrinsik turut diberi penekanan dengan menyelitkan unsur-unsur seperti *inquisitiveness*, ketepatan, berfikiran terbuka, jujur, objektif, *diligen* serta memelihara alam sekitar. Sukatan ini juga digubal dengan dengan meluaskan domain

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

afektif dan kemahiran yang berlandaskan sifat-sifat yang terpuji dan nilai-nilai murni. Selain itu, penyusunan serta kandungan dalam sukatan ini juga sentiasa diperbaharui bersesuaian dengan perkembangan pada masa kini (Siow, 1995).

1.3 Penyataan Masalah

Ikatan kimia adalah satu topik yang penting bagi pelajar prasiswazah kimia dan juga merupakan topik yang biasa bermasalah kepada pelajar dan memberikan konsep alternatif yang luas. Konsep-konsep seperti elektron, tenaga pengionan, keelektronegatifan, ikatan, rupabentuk geometri, struktur molekul dan kestabilan adalah terlalu luas dari keaktifan dalam kimia organik hingga spektroskopi dalam kimia analisis (Nicoll, 2001). Ia juga penting kepada pelajar bagi memahami konsep kenapa dan bagaimana ikatan kimia berlaku. Keputusan daripada kajian yang telah dilakukan yang melibatkan ikatan kimia menunjukkan pelajar di dalam semua peringkat tidak mempelajari konsep ikatan kimia dengan menggunakan kaedah tradisional seperti yang dijangkakan (Ozmen, 2008).

Oleh kerana ikatan kimia adalah salah satu konsep sains yang terpenting dalam bidang kimia yang melibatkan kereaktifan, kelekteronegatifan, bentuk molekul, persamaan kimia dan lain-lain lagi, maka sewajarnya pelajar dapat menguasainya dengan jelas dan mantap. Sekiranya kosep ini disalahertikan maka kerangka alternatif

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

NIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PE
RIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVER

ini akan terus kekal di minda pelajar tersebut. Tambahan pula, para guru kurang menitikberatkan pengetahuan sedia ada pelajar sebelum sesuatu topik itu dipelajari. Fenomena ini akan mempengaruhi pencapaian pelajar tersebut dalam matapelajaran Kimia.

Kimia dipertimbangakan sebagai mata pelajaran yang sukar kepada pelajar oleh guru kimia, penyelidik dan juga pendidik (Kirkwood & Symington, 1996; Lorenzo, 2005). Alasan yang diberikan oleh pelajar berbeza-beza daripada konsep semulajadi yang abstrak sehingga kesusahan bahasa kimia. Pertama, kurikulum kimia umumnya mengandungi banyak konsep abstrak (Ben–Zvi, Eylon & Silberstein, 1988) yang menjadi asas kepada pembelajaran kimia dan sains lain seterusnya (Taber, 2002). Ke dua, beberapa pendidik dapat mengenalpasti sebab lain yang menyebabkan kesukaran mempelajari kimia (Johnstone, 1999; Nelson, 1999; Tsaparlis, 1997).

Ini menyebabkan ahli kimia membahagikan kimia kepada tiga peringkat iaitu makroskopik, mikroskopik dan simbolik, dimana hanya satu sahaja yang dapat dilihat iaitu makroskopik. Hubungan antara peringkat-peringkat ini adalah kukuh (Harrison & Treagust, 2000; Johnstone, 1991; Raviola, 2001). Banyak kajian menyokong idea yang mengatakan peranan fenomena antara makroskopik dan mikroskopik adalah sumber kesukaran kepada ramai pelajar yang mempelajari kimia. Menurut Sirhan (2007), interaksi dan perbezaan antara makroskopik dan mikroskopik merupakan sifat-sifat penting pembelajaran kimia dan keperluan pencapaian dalam konsep pemahaman

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSIT

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

kimia. Oleh itu, jika pelajar tersekat di peringkat ini, maka ia boleh mempengaruhi peringkat yang lain dan seterusnya. Johnstone (1991) menyatakan tiga peringkat inilah yang menyebabkan kesukaran mempelajari kimia. Guru perlu menitikberatkan peralihan antara peringkat bagi pembelajaran yang lebih bermakna. Salah satu sebab kesukaran memahami kimia adalah frasa masalah yang terdapat dalam buku teks. Banyak kajian mendapati isi kandungan buku teks yang digunakan tidak cukup dan kadang-kadang maklumat yang diberikan adalah salah (Pedrosa & Dias, 2000; Soyibo, 1995). Pedrosa dan Dias (2000) membincangkan masalah bahasa yang tipikal di dalam buku teks dan menyatakan bahasa yang digunakan di dalam buku teks mungkin meningkatkan pembangunan konsep alternatif pada perbagai peringkat kimia di sekolah.

Alasan yang lebih penting yang menyebabkan kesukaran pelajar adalah ketidakkeberkesanan kaedah mengajar secara tradisional. Kebanyakan guru menggunakan strategi berpusatkan guru untuk mengajar kimia (Lord, 1999; Yip, 2001). Pelajar mempelajari peraturan melalui perasaan dan mereka cuba menggunakan tanpa mengetahuinya (Quilez, 2004). Walaubagaimanapun, kadang-kadang peraturan yang wujud ini dapat menolong menjawab persoalan dengan betul. Kesimpulan dalam pelbagai kajian emperikal mendapati pelajar dan juga guru selalu menggunanya secara silap (Bucat & Fensham, 1995). Strategi pengajaran secara tradisional tidak berkesan bagi menolong pelajar melengkapkan pemahaman konsep abstrak untuk membina

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

konsep yang betul, bagi mengurangkan miskonsepsi dan meningkatkan perubahan konseptual (Westbrook & Marek, 1991).

Hasil kajian beberapa penyelidik mendapati terdapat miskonsepsi terhadap konsep sains (Canpolat, Pinarbasi & Sozbilir, 2006; Pinarbasi, Canpolat, Bayrakceken & Geban, 2006) dan kimia (Aydin, Aydemir, Boz, Cetin-Dindar & Bektas; 2009) sehingga di peringkat universiti.

Pelajar pada semua peringkat mempunyai miskonsepsi yang berkait dengan konsep kimia yang berbeza. Ikatan kimia adalah salah satu konsep yang sangat penting dan sukar dan ia merupakan bidang penyelidikan khusus yang aktif bagi menentukan konsep alternatif pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji dan mengenalpasti salah konsep pelajar terhadap konsep ikatan kimia.

Objektif utama kajian ini ialah :

i. Mengenalpasti dan mengesan salah konsep pelajar dalam memahami ikatan kimia.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

ii. Mengenalpasti tahap penguasaan pelajar tingkatan 6 sains tentang tajuk ikatan kimia.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut :

i. Adakah wujud salah konsep pelajar dalam memahami konsep ikatan kimia.

ii. Adakah pelajar tingkatan 6 sains dapat menguasai tajuk ikatan kimia.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian yang dijalankan diharap dapat mengenalpasti kelemahan pelajar dan ia boleh digunakan untuk memperbetulkan salah konsep pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dapatan ini juga dapat dijadikan rujukan kepada guru untuk mengukur tahap penguasaan pelajar berkenaan dengan ikatan kimia yang merupakan asas penting dalam pelajaran Kimia. Penguasaan konsep ikatan kimia ini akan memudahkan pelajar menguasai isi pelajaran kimia selanjutnya dengan lebih berkesan. Di samping itu, ianya dapat memberi panduan kepada pihak pentadbir merancang aktiviti pembelajaran dengan lebih teratur dan berkesan.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pengujian kefahaman pelajar tentang konsep ikatan kimia dari segi kekuatan ikatan, ikatan logam, ikatan ionik, ikatan kovalen dan bentuk struktur sahaja dan ianya tidak merangkumi keseluruhan tajuk ikatan kimia tingkatan 6. Kajian ini juga hanya melibatkan pelajar tingkatan 6 di dua buah sekolah sahaja.

1.8 Definasi Istilah

1.8.1 Kerangka Alternatif

Kerangka alternatif merupakan idea yang diperolehi oleh pelajar berdasarkan pengalaman sendiri. Kadangkala ida ini tidak selaras dengan idea sains yang diajar di sekolah. Perselisihan ini akan mengelirukan pelajar dan mengganggu pembelajaran sains mereka.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

1.8.2. Ikatan Kimia

Ikatan kimia ialah ikatan yang mengikat zarah-zarah molekul dalam sesuatu molekul atau sebatian.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur adalah satu kajian yang mengandungi tinjauan kajian yang lalu, penerangan konsep dan prinsip asas sains.

2.2 Miskonsepsi

Idea pelajar mengenai konsep sains yang berbeza dengan penerimaan saintifik kebiasaannya dinyatakan sebagai miskonsepsi, prekonsepsi, konsep jahil, konsep alternatif, kerangka alternatif, kerangka kosepsual, dan lain-lain lagi (Özmen & Ayas, 2003).

SITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

Perkataan miskonsepsi menyifatkan

1. pelajar salah menjawab kepada keadaan tertentu.
2. idea pelajar yang menyebabkan kesalahan jawapan terhadap keadaan tertentu.
3. pelajar percaya tentang bagaimana fenomena alam semulajadi berbeza daripada hasil ahli sains. (Dykstra, Boyle & Monarch, 1992).

Hasil kajian beberapa penyelidik mendapati masih terdapat miskonsepsi terhadap konsep sains (Canpolat, Pinarbasi & Sozbilir, 2006; Pinarbasi, Canpolat, Bayrakceken & Geban; 2006) dan kimia (Aydin, Aydemir, Boz, Cetin-Dindar & Bektas; 2009) sehingga di peringkat universiti.

Bagi menghindarkan miskonsepsi pelajar, maka perlulah menentukan sumber miskonsepsi tersebut. Semasa belajar, pelajar cuba mengaitkan pengetahuan baru ke dalam struktur kognitif. Sekiranya miskonsepsi terus dipegang, ia akan mengganggu pembelajaran yang seterusnya. Jadi idea yang dimiliki oleh pelajar adalah faktor penting yang menyebabkan miskonsepsi. Haidar dan Abraham (1991) mendapati pengetahuan sedia ada memainkan peranan penting di dalam pembangunan konsep pelajar.

Oleh itu bahan kurikulum kimia memerlukan kaitan di antara pengalaman yang dilihat oleh pelajar dan penerangan saintifik yang tidak dapat dilihat. Pelajar

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

memerlukan penunjuk yang akan menolong mereka membangunkan kaitan antara penglihatan yang dilihat di dalam makmal dengan model yang tidak dapat dilihat.

Pengetahuan harian juga merupakan sumber miskonsepsi. Prieto et al. (1989) mencadangkan idea pelajar memberikan interaksi antara pengetahuan sekolah dan sosial mereka. Pengajaran sains sepatutnya menekankan isu bahasa harian di dalam pengajaran pelajar.

Guru juga boleh menyebabkan mikonsepsi. Mereka mungkin salah tanggap terhadap sesuatu situasi.

2.3 Konsep Dan Prinsip Asas Kimia

Kimia adalah satu bidang yang mengkaji komposisi jirim, perubahan-perubahan yang berlaku pada jirim dan hubungan di antara perubahan komposisi dan perubahan tenaga. Bidang matapelajarannya adalah sangat luas, seluas alam semesta.

Menurut Sherman dan Sherman (1999), kimia adalah sains yang membincangkan tentang jirim dan perubahan yang dialami. Kimia juga berfokus terhadap tenaga dan cara ia berubah apabila jirim berubah bentuk. Ahli kimia berusaha

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

untuk memahami cara semua jirim berkelakuan dan untuk menemui prinsip yang mentadbir kelakuan ini.

Pakar-pakar dalam *American Chemical Society Committee on Science* menyatakan bahawa pada abad akan datang memerlukan pendidikan Sains dan Teknologi yang lebih hebat untuk umum dan penekanan yang lebih banyak kepada pendekatan yang melibatkan bidang ilmu atau kajian yang berbeza dalam sains oleh para saintis (Gettys, 1998). Ahli kimia mahu memahami atom dan struktur jirim manakala ahli biologi lebih menekankan kepada fungsi jirim. Pada masa kini, ahli kimia sudah mulai menghasilkan molekul yang mempunyai fungsi dan ahli biologi mahu memahami struktur molekulnya.

2.4 Miskonsepsi Dalam Ikatan Kimia

Ikatan kimia merupakan salah satu topik asas di dalam mata pelajaran kimia. Oleh kerana ia merupakan konsep yang abstrak, maka ia tidak dapat digunakan terus ke dalam kehidupan harian. Ramai pelajar tidak mampu memahami konsep ini. Mereka tidak dapat mengaitkan istilah mikrosopik dengan makroskopik. Tambahan pula, pemahaman ikatan kimia memerlukan pemahaman beberapa topik fizik seperti daya dan tenaga yang mana pelajar juga sukar untuk memahaminya. Disebabkan perkara di atas, pelajar memegang banyak miskonsepsi yang berkait dengan konsep ikatan kimia.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

Pemahaman konsep ikatan kimia adalah penting di dalam kimia bagi memahami sifat tindak balas kimia dan beberapa sifat fizikal seperti takat didih. Jadi, miskonsepsi pelajar perlu ditentukan dan penumpuan kaedah penunjuk baru terhadap ketidakfahaman pelajar perlu dibangunkan.

Kajian seperti ikatan antara molekul, daya di dalam molekul, ikatan kovalen, ikatan ionik, model mental pelajar dan konsep alternatif pelajar di dalam ikatan merupakan tema penyelidikan yang selalu dijumpai dalam kajian literatur (Barker & Millar, 2000; Coll & Taylor, 2002; Coll & Treagust, 2003; Harrison & Treagust, 2000; Niaz, 2001).

Terdapat beberapa kajian yang membuat penyelidikan kesan strategi pengajaran yang berbeza terhadap pemahaman pelajar dan konsep alternatif dalam ikatan kimia. Sebagai contoh, Acar dan Tarhan (2008) membuat kajian keberkesanan pengajaran terhadap bahan pengajaran berdasarkan pemahaman pembelajaran koperatif pelajar gred 9 terhadap ikatan logam. Mereka dapati bahawa konsep alternatif berkait dengan ikatan logam adalah kurang bagi kumpulan eksperimen yang di ajar dengan strategi pembelajaran koperatif. Begitu juga dengan Tarhan, Ayar-Kayali, Ozturk-Urek dan Acar (2008) menentukan keberkesanan kaedah pengajaran berdasarkan penyelesaian masalah pelajar gred 9 terhadap pemahaman daya antara molekul. Mereka dapati pengajaran berdasarkan penyelesaian masalah berkesan terhadap pencapaian pelajar, memulihkan konsep alternatif dan juga kemahiran sosial.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

Dalam kajian eksperimental Ozmen (2008), mendapati kesan pengajaran berbantukan komputer terhadap pemahaman konsep alternatif dalam ikatan kimia adalah lebih baik.

Kajian yang telah memfokuskan kefahaman pelajar terhadap ikatan kimia menunjukkan pelajar mempunyai darjah pertimbangan miskonsepsi di dalam pelbagai paras gred dan miskonsepsi ini kekal tidak berubah dengan menggunakan kaedah pengajaran tradisional. Ini kerana kaedah pengajaran tradisional tertumpu kepada konten kurikulum. Ikatan kimia merupakan asas terhadap pelbagai topik di dalam matapelajaran kimia (Boo, 1998). Sebagai contoh, ikatan kimia merupakan asas semulajadi kepada termodinamik, stuktur molekul, persamaan kimia, tindakblas kimia dan sifat fizikal seperti takat didih. Sehingga sekarang terdapat banyak kajian dilakukan untuk menentukan kefahaman dan miskonsepsi pelajar terhadap konsep ikatan kimia (Birk & Kurtz, 1999; Harrison & Treagust, 2000; Nicoll, 2001; Taber, 2003).

Salah satu alasan yang menyebabkan ketidakfahaman ikatan kimia ialah ia memerlukan pengetahuan awal berkenaan jirim semulajadi, keelektronegatifan, tenaga dan daya di mana pelajar sukar untuk memahaminya. Tambahan pula, miskonsepsi boleh berkembang disebabkan ikatan kimia melibatkan perbandingan besar konsep abstrak (Coll & Taylor, 2001) dan ia melibatkan perkataan harian yang digunakan memberi maksud yang berbeza. Kajian Boo (1998) menyatakan pengalaman harian dan bahasa yang digunakan boleh meningkatkan miskonsepsi dalam ikatan kimia.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

Boo (1998) juga membuat kajian untuk menentukan kefahaman ikatan kimia pelajar gred 12 melalui temuramah. Hasil dapatan mendapati pelajar percaya yang pembentukan ikatan memerlukan tenaga dan pemutusan ikatan membebaskan tenaga.

Pelajar mempunyai kesusahan untuk memahami bagaimana ikatan terbentuk. Ia dibuktikan oleh Nicol (2001) dengan menghuraikan miskonsepsi pelajar siswazah yang berkaitan dengan keelektronegatifan, ikatan, geometrik dan pembentangan mikroskopik semasa menemuramah pelajar. Kesusahan pelajar bekaitan dengan ikatan adalah seperti berikut :

i. Keliru atom dan molekul.
ii. Gagal mempertimbangkan peraturan oktet.
iii. Tiada mengaitkan kekutuban dengan keelektronegatifan.
iv. Tidak membezakan antara ikatan ionik dan ikatan kovalen.
v. Gagal untuk menerangkan kenapa ikatan berlaku.

Taber (1994) juga melaporkan dapatan yang sama. Taber menganalisa konsep pelajar berkenaan ikatan ionik dan menghuraikan pandangan pelajar mengenai struktur molekul. Pelajar percaya konfigurasi elektronik atom menentukan bilangan ikatan ionik yang terbentuk, ikatan terbentuk antara atom yang menderma elektron dan penerima elektron dan interaksi ion dengan ion pembilang sekeling mereka, tetapi bagi ikatan bukan ionik, interaksinya hanya sekadar daya sahaja.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

Tan dan Treagust (1999) membangunkan instrumen soalan beraneka pilihan bagi menentukan konsep alternatif pelajar terhadap ikatan kimia bagi pelajar 14 – 16 tahun. Item yang dibangunkan adalah melalui menemuramah pelajar, konsep map pelajar, soalan peperiksaan yang lepas dan pengalaman pengajaran peribadi. Kemudian, ia telah ditadbirkan kepada 119 pelajar kimia sekolah menengah. Mereka dapati kebanyakan pelajar mempunyai miskonsepsi terhadap konsep ikatan kimia.

Miskonsepsi yang dikesan adalah :

i. logam dan bukan logam membentuk molekul.
ii. atom logam dan bukan logam berkongsi elektron bagi membentuk molekul.
iii. logam membentuk ikatan kovalen kepada bukan logam untuk membentuk molekul.
iv. logam dan bukan logam membentuk ikatan kovalen yang kuat.
v. sebatian ionik wujud seperti molekul yang terbentuk oleh ikatan kovalen.
vi. kekuatan daya dalam molekul ditentukan oleh kekuatan ikatan kovalen yang hadir di dalam molekul.

Kajian Unal, Costu dan Ayas (2010) mengenai miskonsepsi ikatan kovalen bagi pelajar menengah di Turki, mendapati bahawa terdapat banyak miskonsepsi terutamanya pada sifat – sifat atom yang membentuk ikatan kovalen, bagaimana ikatan kovalen terbentuk, jenis-jenis ikatan kovalen dan ciri – ciri struktur kovalen.

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

Taber (2003) membuat kajian kaitan model mental pelajar kepada ikatan logam. Beliau mendapati :

i. logam tidak mempunyai sebarang ikatan kerana semua atom adalah sama.

ii. wujud beberapa interaksi dalam logam tetapi ia bukanlah ikatan yang betul.

iii. Pelajar ini tidak dapat memikirkan kewujudan ikatan selain ikatan kovalen dan ionik.

iv. ikatan logam berlaku hanya di dalam aloi. Pelajar ini mempunyai idea yang mengatakan ikatan logam wujud antara dua atom logam yang berbeza.

Taber (2003) juga mencadangkan semasa guru mengajar ikatan kimia, permulaan pengajaran haruslah dimulakan dengan pengenalan ikatan logam dan kemudiannya barulah ikatan ionik dan ikatan kovalen. Semasa pelajar mempelajari ikatan logam, pelajar menggunakan pengetahuan ikatan ionik dan ikatan kovalen di dalam penerangan ikatan logam. Pengajaran ini mungkin tidak dapat menyediakan pelajar dengan pembelajaran yang setimpal sebelumnya. Kajian ini sangat menekankan pengetahuan sebelum memberikan kesan kepada pembelajaran

Sumber lain miskonsepsi adalah buku teks. Nahum, Mamlok-Naaman, Hofstein dan Taber (2010) menyatakan kebanyakan miskonsepsi yang disebabkan oleh model, dihasilkan dalam buku teks. Manakala de Posada (1999) menganalisa subtopik ikatan logam dalam buku teks gred 9 -12 di Spanyol diajar and juga samada buku teks tersebut mencukupi untuk diajar secara bermakna. Buku teks telah dianalisa

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNI

dengan menggunakan borang soal selidik yang telah dibuat olehnya untuk mendapatkan struktur logik psikologi buku teks tersebut dan juga samada ia memberikan peluang pembelajaran yang berkesan. Soal selidik terdiri daripada 12 soalan. Soalan tersebut adalah berkait dengan kedalam topik, corak yang digunakan bagi mempersembahkan informasi, kaitan antara teks dan ilustrasi, penggunaan ilustrasi dan peranan aktiviti di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru kimia yang berpengalaman dalam menganalisis buku teks dan juga penyenyelidik menganalisa 29 buku teks sekolah tinggi dan menyiapkan boring soal selidik secara berasingan. Mereka telah sebulat suara /setuju di dalam 89% kes. Keputusan menunjukkan pelajar tidak faham kaitan antara model teoritikal dan fakta eksperimen. Analogi yang digunakan boleh menyebabkan miskonsepsi bagi pelajar yang tidak dapat memikir perhubungan abstrak. Tiada penyesuaian perpaduan di antara topik yang memberikan pengajaran yang bermakna. Hanya sedikit buku teks yang menggunakan konstruktivisme.

Kebergantungan hanya kepada buku teks semasa pengajaran akan meyebabkan pelajar terpaksa untuk menghafal dan memuntahkan jawapan sekiranya ditanya semasa peperiksaan. Ini akan menyebabkan pelajar tidak dapat membentuk pemahanan saintifik sesuatu konsep (Çalik & Ayas, 2008).

Miskonsepsi ikatan kimia mungkin boleh diatasi sekiranya pelajar dapat memahami dan membetulkan miskonsepsi mereka dengan didedahkan kepada

SITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PE
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVER

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UN

beberapa kaedah pembelajaran yang lebih berkesan. Terdapat beberapa kaedah pembelajaran yang boleh digunakan bagi memudahkan pemahaman topik kimia seperti kaedah "modeling diagram" yang telah dilakukan oleh Mendonça dan Justi (2010), Maia dan Justi (2009) dan Mendonça dan Justi (2009) membuktikan bahawa teknik ini dapat meningkatkan kefahaman pelajar.

TI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
NIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi kajian dan teknik penganalisaan. Fokus perbincangan meliputi reka bentuk kajian, pensampelan, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, prosedur kajian.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Ianya mengutamakan pengumpulan data melalui soal selidik dan set ujian tentang konsep

SITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSIT
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UN

asas ikatan kimia. Data yang dikumpul dinyatakan kebentuk peratusan untuk meninjau tahap kefahaman konsep ikatan kimia di kalangan pelajar tingkatan 6.

3.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 50 orang pelajar tingkatan enam aliran sains yang mengambil mata pelajaran kimia di tiga buah sekolah di Negeri Perak. Sampel kajian terdiri daripada lelaki dan perempuan yang terdiri daripada pelbagai kaum.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang akan digunakan dalam kajian ini ialah satu set soalan yang berkaitan dengan konsep ikatan kimia yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran kimia tingkatan 6.

Soalan di dalam ujian ini telah diambil berdasarkan literatur Butts and Smith (1987), Tan and Tragust (1999), Birk and Kurtz (1999), Coll and Taylor (2001) dan Nicoll (2001) yang berkaitan dengan miskonsepsi atau kerangka alternatif yang merujuk kepada ikatan kimia.

ITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PE
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

Terdapat 32 item keseluruhan di dalam ujian ini. Soalan ujian terdiri daripada pelbagai jenis termasuklah soalan aneka pilihan, soalan aneka pilihan beserta alasan dan juga soalan yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian respon di mana pelajar hanya dikehendaki menentukan satu daripada dua jawapan dan bahagian kedua adalah bahagian alasan dimana pelajar diminta memilih alasan yang menerangkan jawapan yang telah dipilih di bahagian pertama. Setiap soalan aneka pilihan di dalam bahagian ini hanya mempunyai satu jawapan betul dan tiga pengganggu. Pengganggu bagi setiap item menggambarkan miskonsepsi pelajar tersebut. Item-item tersebut berkaitan dengan konsep ikatan kimia.

3.5 Kaedah Kajian

Soalan kajian diedarkan kepada pelajar tingkatan 6 sains dibeberapa buah sekolah yang terpilih. Pelajar diminta menjawab soalan yang diberikan dalam masa 1 jam 30 minit secara jujur tanpa merujuk kepada buku atau bahan bacaan yang berkaitan.

3.6 Analisis Data

Markah-markah dikumpulkan dan dinyatakan kebentuk peratus. Setiap soalan aneka pilihan yang beserta alasan, jawapan yang diberikan akan dianalisis bagi

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

NIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PE
IS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

mengenalpasti miskonsepsi yang terdapat pada pelajar tersebut. Hasil dapatan yang diperolehi dapat menggambarkan tahap kefahaman pelajar dalam memahami konsep ikatan kimia.

3.7 Kesimpulan

Perlaksanaan kajian yang dilakukan mengikut prosedur secara sistematik adalah sangat penting bagi hasil dapatan yang sah dan diterima umum. Semua prosedur yang telah ditetapkan akan dicuba sedaya upaya diikuti dalam menjalankan kajian penyelidikan pendidikan ini. Dengan ini, diharapkan amalan membudayakan perlaksanaan kerja secara berstruktur dan teratur akan menjamin kesahan dan mengurangkan ancaman terhadap kajian.

ERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEND
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSI

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian pengumpulan data yang dianalisis dengan menggunakan komputer. Jawapan yang telah diperolehi daripada responden dianalisis dan data ditunjukkan dalam bentuk carta bar dan juga peratusan.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

4.2 Taksonomi Miskonsepsi

Soalan aneka pilihan berbentuk 'Benar' atau 'Salah' pada Bahagian A yang terdiri daripada 15 item dikelaskan kepada empat taksonomi miskonsepsi iaitu ikatan logam, kekutuban, pembentukan ikatan dan rupa bentuk molekul. Jadual 4.1 menunjukkan taksonomi mikonsepsi pelajar tentang ikatan kimia bagi tingkatan enam yang telah dilakukan.

Jadual 4.1 Taksonomi miskonsepsi pelajar tentang ikatan kimia

Miskonsepsi	Item
Ikatan logam	5
Pembentukan ikatan	3
Rupa bentuk molekul	2
Kekutuban	5

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERS

VERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

Pemilihan 15 item yang bersesuaian tersebut diharapkan dapat menggambarkan keseluruhan kandungan tajuk ikatan kimia yang dipelajari oleh pelajar tingkatan 6. Keputusan yang di dapati daripada soalan 1 hingga 15 ditunjukkan pada Jadual 4.2.

